

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI
(LABUAN)**

**TARIKH : 01.04. 2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk memberi peluang secukupnya kepada Labuan Shipyards (LSE) mengambil kerja-kerja pembuatan dan pembaikpulih aset-aset TLDM di masa yang terdekat ini memandangkan Labuan Shipyards (LSE) adalah satu-satunya limbungan utama di Malaysia Timur.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa membuka ruang kepada mana-mana limbungan yang mempunyai keupayaan untuk terlibat dalam kerja-kerja pembinaan dan pembaikan kapal-kapal Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM).